

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 OCTOBER 2016

Pangkal-jalan politik

UM - 12/10/2016

NAFAS sesebuah parti politik bergantung kepada pimpinan dan perjuangannya. Bertelingkah dan berselisih faham boleh menghasilkan perceraian antara suami isteri, inikan pula kalangan pemimpin politik.

Perihal pertembungan sudah banyak dibicarakan. Dalam politik, ini tema biasa. Bertembung, bertentangan dan berselisih pendapat dalam sesebuah parti politik bukan perkara luar biasa.

Lihat sahaja peranan pimpinan terdahulu. Kisah Tunku Abdul Rahman dengan Dr. Mahathir Mohamad dan Musa Hitam boleh disingkap kembali sebagai salah satu bab pertembungan pendapat yang sengit sehingga Dua M terpaksa dipecat dari parti atas desakan Tunku dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) pada 1970.

Dr. Mahathir menulis surat terbukanya kepada Tunku menyatakan kesilapan perjuangan Tunku yang didapatinya kurang tertumpu kepada kepentingan bumiputera dalam persaingan hal ekonomi negara.

Musa yang dikenali berpandangan tajam terhadap gaya pemerintahan Tunku menyebabkan beliau terpaksa merantau, belajar ke Universiti Sussex, United Kingdom hampir dua tahun untuk memperoleh ijazah Sarjana sambil meredakan keadaan di Kuala Lumpur.

Kedua-dua pemimpin ini dipandang radikal pada masa itu. Akhirnya mereka ini bergabung menjadi pemimpin besar UMNO. Betul, mereka tidak pula menubuhkan parti baharu menentang UMNO.

Bagi Tengku Razaleigh, Rais Yatim dan pimpinan Parti Melayu Semangat 46 (S46) pula, hajat asal bukan hendak menubuhkan S46. Hajat dan tujuan asal ialah hendak menghidupkan UMNO Lama dengan panggilan UMNO Malaysia setelah UMNO diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pihak berkuasa bagaimanapun enggan menerima cadangan itu. Permohonan jawatankuasa protem UMNO Malaysia yang diketuai sendiri oleh Tunku dan dianggotai Rais selaku Setiausaha, Marina Yusof, Manan Osman dan lain-lain telah ditolak.

S46 kembali ke pangkuan UMNO secara rasmi pada 6 Oktober 1996 sebaik sahaja parti itu dibubarkan setelah melalui beberapa sesi 'risik dua' dan rundingan. Tiada lagi UMNO Baru dan UMNO Lama. Yang ada hanya UMNO seperti keadaan sedia ada. Majoriti Melayu kembali bersatu di bawah panji-panji untuk Bersatu, Bersetia Berkhidmat.

Walaupun ramai dalam kalangan S46 berhati walang, takut kalau-kalau dipermainkan pimpinan UMNO, Tengku Razaleigh, Rais dan rakan-rakan seperjuangannya tetap memegang petua yang dicapai antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh, iaitu memasuki UMNO semula bukan untuk apa-apa hajat lain. Tetapi hanya untuk pulang ke pangkal jalan membantu perjuangan asal orang Melayu.

Realitinya, banyak peristiwa dalam kehidupan ahli politik yang sukar dilupakan. Maklum sahajalah, setiap tindakan ada tindak balas, pada setiap aksi ada reaksinya.

Tetapi dalam menilai semula pengalaman dan peristiwa itu, seseorang itu harus sentiasa insaf bahawa walau apa pun yang berlaku, kesan sampingannya kenalah diingat sebagai episod yang tidak boleh dilupai di samping boleh membawa pengajaran yang setimpal pula.

Dalam kehidupan seseorang ahli politik profesional juga, sesuatu itu perlu dihadapi secara bersahaja. Sesuatu yang malang atau malapetaka mesti diimbasi secara sabar dengan pemikiran yang berfalsafah tinggi.

Hidup dan mati di tangan Tuhan. Begitu juga soal jodoh dan rezeki.

Dalam perjuangan, seseorang mesti tahan lanyak sama ada yang direjam melalui malapetaka mahupun melalui kejadian yang menyeronokkan.



DR. MAHATHIR
MOHAMAD



MUSA HITAM



TENGGU RAZALEIGH



RAIS YATIM